



## PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 7 TAHUN 2015

---

### PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGURUSAN HUTAN KAWASAN BANJIR DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI SEMENANJUNG MALAYSIA

#### 1. LATAR BELAKANG

- 1.1. Hutan Kawasan Banjir (HKB) merupakan salah satu daripada kelas fungsi kegunaan hutan bagi Hutan Simpanan Kekal (HSK) sebagaimana keperluan di bawah Seksyen 10(1) (d), Akta Perhutanan Negara 1984. HKB boleh didefinisikan sebagai kawasan Hutan Simpanan Kekal yang bertindak menerima, menyimpan, melepaskan dan mengawal kuantiti air bagi tujuan pengawalan banjir.
- 1.2. Keperluan untuk menubuhkan kawasan HKB dalam HSK adalah selaras dengan kehendak dalam Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang menyatakan bahawa HSK perlu diurus dan diklasifikasikan di bawah salah satu daripada empat fungsi utama HSK iaitu Hutan Perlindungan, Hutan Berhasil, Hutan Lipur dan Hutan Penyelidikan dan Pendidikan.

#### 2. SKOP

- 2.1. Panduan ini merangkumi aspek penentuan dan penubuhan kawasan HKB
- 2.2. HKB dalam panduan ini adalah kawasan di dalam HSK yang diwartakan di bawah Seksyen 10 (1) (d), Akta Perhutanan Negara 1984.

### **3. OBJEKTIF PANDUAN**

3.1. Objektif panduan ini adalah untuk membantu pihak Jabatan Perhutanan Negeri dalam menyeragamkan kaedah penubuhan, pemantauan dan pengurusan HKB dalam HSK di Semenanjung Malaysia.

### **4. KRITERIA PENENTUAN KAWASAN HUTAN KAWALAN BANJIR**

**Kawasan HKB hendaklah mempunyai mana-mana satu atau lebih ciri-ciri seperti berikut:**

- 4.1. Kawasan tadahan hulu sungai yang membekalkan sumber air kepada empangan,
- 4.2. Kawasan empangan,
- 4.3. Kawasan hutan paya gambut,
- 4.4. Kawasan hutan paya laut, dan
- 4.5. Kawasan tasik semulajadi.

### **5. PENUBUHAN HUTAN KAWALAN BANJIR**

#### **5.1. Penilaian Kawasan**

5.1.1. Pegawai Hutan Daerah (PHD) hendaklah mengenalpasti dan menilai kesesuaian cadangan kawasan HSK untuk dijadikan HKB berdasarkan kriteria pemilihan kawasan di para 4.

5.1.2. PHD hendaklah menyediakan laporan penilaian kawasan dan mengemukakan kepada Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) masing masing. Laporan penilaian ini hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- i. Daerah Hutan,
- ii. Nama HSK,
- iii. Nombor kompartmen,

- iv. Keluasan kawasan cadangan HKB,
- v. Justifikasi pemilihan kawasan cadangan (huraikan ciri-ciri kepentingan kawasan tersebut yang berpotensi untuk mengawal kejadian banjir),
- vi. Keadaan kawasan cadangan [contoh: jenis hutan, komposisi spesies flora secara umum, status hutan (hutan dara atau kawasan sudah kerja), keadaan topografi seperti kawasan berbatu termasuk batu kapur, sungai, tasik, paya dan lain lain],
- vii. Sejarah kompartmen yang terlibat termasuk petak-petak penyefidikan, Petak Contoh Kekal (PCK), Petak Fenologi, Kawasan Pengeluaran Biji Benih *Seed Production Area*, GroMh & Yield Plot (G&Y), Growth Plot, CI/ dan HCVF);
- viii. Klasifikasi fungsi hutan semasa [merujuk kepada Seksyen 10(1), APN, 1984],
- ix. Jalan perhubungan (darat dan air),
- x. Maklumat-maklumat lain (termasuk kawasan penempatan Orang Asli dan masyarakat setempat, kepentingan penduduk setempat, keadaaan kawasan sekeliling, air masyarakat, kawasan rekreatif dan sebagainya),
- xi. Ulasan dan syor oleh PHD, dan
- xii. Pelan kawasan cadangan.

5.1.3. Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) hendaklah meneliti laporan ini dan memutuskan kesesuaian penubuhan HKB.

## 5.2. Penubuhan Kawasan

### 5.2.1. Keluasan Kawasan

Keluasan kawasan HKB adalah tertakluk kepada kesesuaian dan keperluan setempat.

### 5.2.2. Pewartaan HKB

- (i) PPN hendaklah mengemukakan cadangan penubuhan HKB kepada Pihak Berkuasa Negeri yang mengandungi perkara seperti berikut;
  - a. Lokasi kawasan yang dicadangkan;
  - b. Pelan yang menunjukkan sempadan kawasan yang dicadangkan;
  - c. Justifikasi penubuhan HKB; dan
  - d. Syor PPN
- (ii) Selepas diluluskan PPN hendaklah mengemukakan satu salinan kelulusan oleh Pihak Berkuasa Negeri berserta pelan cadangan HKB kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan bagi tujuan penyediaan pelan warta.
- (iii) Selepas menerima pelan warta daripada Pengarah Ukur dan Pemetaan, PPN hendaklah menyediakan draf warta pengkelasan kawasan HSK sebagai HKB kepada Penasihat Undang-Undang Negeri.
- (iv) Selepas menerima pelan warta yang dipersetujui oleh Penasihat Undang-Undang Negeri, PPN hendaklah menandatanganinya dan mengemukakan semula kepada Penasihat Undang-Undang Negeri untuk disiarkan.

### 5.2.3. Penandaan Sempadan

Pada amnya kawasan HKB meliputi kawasan yang agak luas yang mana urusan penandaan sempadan di lapangan adalah agak sukar untuk dilaksanakan di samping memerlukan kos yang tinggi. Oleh itu, sempadan kawasan HKB memadai ditandakan di atas peta klasifikasi fungsi hutan di Pejabat Perhutanan Negeri, Pejabat Hutan Daerah dan Pejabat Renj Hutan.

#### 5.2.4. Papan Tanda

- (i) Papan tanda perlulah diletakkan di tempat yang strategik seperti di persimpangan jalan masuk menuju ke kawasan HKB;
- (ii) Papan tanda HKB mestilah mempunyai maklumat seperti nama HSK, No. Kompartmen, keluasan, tahun penubuhan, dan nombor warta; dan
- (iii) Latar belakang papan tanda ini eloklah berwarna kuning muda dan tulisan berwarna hitam seperti contoh di Lampiran I.

### 6. PENGURUSAN KAWASAN

#### 6.1. Pemantauan

6.1.1. PHD adalah bertanggungjawab untuk memastikan aktiviti pemantauan dilaksanakan ke atas kawasan HKB. Antara kaedah pemantauan yang boleh digunakan ialah melalui:

- (i) Pemeriksaan di lapangan;
- (ii) Aplikasi *remote sensing* yang sedang berkuatkuasa seperti *Forest Monitering Using Remote Sensing* (FMRS) ; dan
- (iii) Pemantauan udara.

6.1.2. Pemantauan kawasan hendaklah dilaksanakan seberapa kerap yang mungkin dan laporan pemantauan hendaklah disediakan sekurang-kurangnya setahun sekali.

6.1.3. Laporan pemantauan hendaklah dikemukakan kepada PPN menggunakan format seperti di Lampiran II.

6.1.4. Sekiranya dikesan berlakunya pencerobohan atau kesalahan hutan lain, laporan terperinci hendaklah serta merta kepada PPN.

### 7. PERSKRIPSI PENGURUSAN

Perskripsi pengurusan HKB hendaklah dimasukkan dalam Rancangan Pengurusan Hutan Negeri (RPH) dengan meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) Objektif, matlamat dan strategi pengurusan;
- (ii) Maklumat asas kawasan;
- (iii) Latar belakang mengenai sejarah pengurusan hutan;
- (iv) Tatacara kawalan dan pemantauan kawasan; dan
- (v) Penyelidikan dan pembangunan (R&D).

## **8. KESIMPULAN**

Panduan ini akan membantu Jabatan Perhutanan Negeri untuk mengenalpasti kawasan HSK yang sesuai untuk dikelaskan sebagai kawasan HKB dan diurus secara sistematis bagi mengurangkan berlakunya bencana banjir demi kesejahteraan rakyat.

## **9. TARIKH**

Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dan terpakai di semua negeri di Semenanjung Malaysia.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT”**

**“1MALAYSIA: RAKYAT DIDAHULUKAN PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”**


Saya yang menurut perintah,

  
**(DATO' SRI DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ ABD. RAHIM)**

Ketua Pengarah Perhutanan  
Semenanjung Malaysia

Bertarikh: 28 Februari 2015

**CONTOH PAPAN TANDA  
HUTAN KAWALAN BANJIR (HKB)**



1.0m

1.5m

**LAPORAN PEMANTAUAN  
KAWASAN HUTAN KAWALAN BANJIR (HKB)**

**Tahun:** .....

(laporan ini hendaklah disediakan berasingan bagi setiap HKB)

No. Warta HKB: .....

Nama Hutan Simpanan Kekal: .....

Daerah Hutan: .....

Negeri: .....

**1. Kaedah pemantauan**

(isikan maklumat dalam ruangan mengikut kaedah pemantauan yang dijalankan)

(i) Pemantauan Udara:

(a) Tarikh Pemantauan: .....

(b) Pegawai Pemantau:

Bil	Nama	Jawatan

(c) Penemuan:

.....

.....

.....

.....

.....

.....

(ii) *Forest Monitoring Using Remote Sensing (FMRS)*

Tarikh	Nama & Jawatan Pegawai Pemantau	Penemuan

Catatan: Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi

(iii) Pemeriksaan di lapangan:

- (a) Tarikh pemeriksaan: .....
- (b) Nama & Jawatan Ketua Pasukan: .....
- (c) Ahli Pasukan:

Bil	Nama	Jawatan

Catatan: Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi

- (d) Kawasan semakan: (nyatakan lokasi, koordinat dan nyatakan pelan yang menunjukkan kawasan semakan)

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

- (e) Penemuan: (lampirkan gambar)

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Catatan: Gunakan lampiran berasingan sekiranya ruangan tidak mencukupi

2. Perkara-perkara lain:

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

3. Ulasan Pegawai Hutan Daerah:

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

Tandatangan: ..... Tarikh: .....

Nama: .....

Pegawai Hutan Daerah: .....